

## Selangor, SPNB sudah lama bekerjasama

UM 18 SEP 2003

SHAH ALAM 17 Sept. — Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, kerajaan negeri sudah mengadakan kerjasama dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi pembinaan rumah kos rendah sejak beberapa tahun lalu.

Menurutnya, antara kawasan yang terlibat dalam usaha sama itu termasuk di Kampung Medan dan Kampung Datuk Harun, Petaling Jaya.

"Kita sudah lama bekerjasama dengan SPNB bagi projek kira-kira 12,00 rumah kos rendah di Petaling Jaya selain menyerahkan beberapa projek terbengkalai kepada SPNB," ujarnya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas usaha kerajaan pusat mengambil alih pembinaan dan pengurusan

rumah kos rendah melalui SPNB.

Langkah itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet 2004, baru-baru ini.

Dr. Mohamad Khir seterusnya memberitahu, kerajaan negeri yakin pengambilalihan itu akan memastikan harga rumah kos rendah terkawal.

Menurut beliau, pengalaman Selangor membuktikan projek yang diuruskan oleh SPNB lebih berjaya termasuk dalam urusan pembahagian unit-unit rumah yang dibina.